

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9385

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah tahanan di Penjara Pengkalan Chepa mengikut kategori tahun sejak 1980. Nyatakan juga jumlah kes kecederaan dan kematian dalam Penjara Pengkalan Chepa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara dari tahun 2010 sehingga 2015 menunjukkan jumlah banduan di Penjara Pengkalan Chepa setiap tahun secara puratanya adalah seramai 1,639 orang. Bagi tempoh sama terdapat 6 kes melibatkan kecederaan ringan, 3 kes kematian dalam penjara dan 118 kes kematian di luar penjara (hospital) semasa mendapatkan rawatan bagi penyakit yang dihidapi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 15.11.2016
DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
SOALAN : NO. 27

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang pemantauan terhadap para pelajar kita di Iran bagi mengelak daripada penularan pengaruh Syiah ke dalam negara kita memandangkan Iran memainkan peranan besar dalam penyebaran fahaman Syiah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2015, terdapat seramai 15 orang pelajar Malaysia yang sedang belajar di negara Iran.

Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Education Malaysia dengan kerjasama pihak Kedutaan sentiasa memantau pergerakan aktiviti-aktiviti pelajar Malaysia yang berada di seluruh dunia. Program-program pendampingan pelajar disusun rapi dalam memastikan mereka kekal fokus pada pelajaran dan tumpuan mereka tidak terpesong dengan fahaman ekstrimisme dan Syiah.